

Headline	Tebang pokok, kaut untung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	665 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,973



Tebang pokok, kaut untung?

Serangan anai-anai didakwa jadi alasan tebang pokok bernilai

KUALA KUBU BHARU - Terdapat dakwaan terhadap pihak tertentu yang cuba mengaut keuntungan daripada penjualan batang pokok yang ditebang pihak berkuasa disebabkan serangan perosak atau reput.

Dakwaan tersebut berlaku di kawasan ini di mana pokok yang ditebang tidak dimusnahkan sepenuhnya sebaliknya dijual pada harga lebih tinggi.

Penduduk yang enggan dikenali berkata, kebanyakan pokok yang ditebang berusia lebih 60 tahun dan reput akibat serangan anai-anai.

"Pokok berusia lebih 60 tahun dalam Pekan Kuala Kubu Bharu ditebang kerana difahamkan kena serangan anai-anai."

"Tapi ditebang, dikerat dan dijual pada harga tinggi. Jadi, minta hentikan segera penebangan tersebut," katanya.

Menurutnya, sekiranya terdapat serangan anai-anai hanya tindakan pemusnahan atau penghapusan serangga tersebut perlu dilakukan tetapi bukan dengan langkah menebang.

"Jadi, apa tindakan

seterusnya daripada pihak berkuasa untuk menangani masalah ini tanpa perlu menghapuskan pokok bernilai tinggi.

"Mungkin ada lagi pokok yang akan ditebang. Isunya bukan pasal tebang saja tapi adakah balak itu diambil atau dijual dan kepada siapa?" katanya.

Sebab munasabah atau hanya alasan?

PADA pandangan mata kasar, faktor pokok berusia, reput dan diserang anai-anai mungkin boleh dianggap sebab munasabah pokok tersebut ditebang.

Bagaimanapun, adakah benar dakwaan serangan anai-anai itu hanya digunakan sebagai alasan untuk menebang pokok yang mempunyai nilai tinggi dan jika dijual mampu meraih hasil lumayan.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hion berkata, wujud dakwaan terdapatnya unsur 'political connection' sehinggakan kebenaran dan keluaran untuk menebang pokok tersebut.

"Saya sudah dengar 'political connection' ini banyak

kali menyebabkan anai-anai atas sebab keuntungan adalah 'good excuse' untuk tebang tuduhan tidak berasas pokok."

Menurutnya, MDHS termasuk pokok besar ditebang, paksa mengambil langkah jadi balak dipotong menjadi menebang pokok atas nasihat kepingan dan dijual. Tempat memotong dipercayai dilakukan dalam kawasan Pekan Kuala Kubu Bharu. Betul atau tidak, kena siasat dulu," perosak.

"Setelah institut itu membuat kajian ke atas pokok dan diketahui pembelinya, beliau mendengarkan untuk men-

jemput media dan menemui bual pembeli tersebut serta bertanyakan tujuan mereka memerlukan bekalan pokok itu.

Beliau berkata, pembongkaran mengenai hubung kait politik dengan pihak berkuasa itu juga boleh dibuat susulan pendedahan tersebut.

Katanya, sudah tentu rakyat yang selama ini tertanya-tanya ingin tahu mengenai perkara tersebut.

Tuduhan tidak berasas

SEMENTARA itu, Penolong Pegawai Penerangan, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Junainah Abdullah berkata, tuduhan penebangan pokok

menurutnya, MDHS ter-

menebang pokok atas nasihat daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) setelah mendapat terdapat serangan sejenis virus

"Setelah institut itu membuat kajian ke atas pokok dan didapati pokok tersebut diserang sejenis virus.

"Mengenai penebangan pokok itu tidak ada kaitan dengan politik kerana ia melibatkan pengurusan MDHS," katanya.

Menurutnya, perkara tersebut juga pernah dibangkitkan Ahli Majlis dalam mesyuarat MDHS.


"Kita terpaksa tebang pokok sebab nak jaga keselamatan penduduk dan orang awam kerana pokok itu dijangkiti virus di bahagian akar."

"Manfaat yang dapat diselamatkan kita selamatkan kerana virus itu berjangkit ke pokok lain. Jadi, untuk elakkan lebih banyak pokok dijangkiti, kita terpaksa tebang dan kita dah tanam semula dengan pokok baru," katanya.


Headline	Tebang pokok, kaut untung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	665 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,973



JUNAINAH



Gambar sebuah premis di Pekan Kuala Kubu Bharu yang dikirimkan pengadu didakwa menjadi tempat memotong batang pokok yang ditebang.



Pokok berusia lebih 60 tahun akan mempunyai nilai di pasaran jika dijual.

Headline	Tebang pokok, kaut untung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	39	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	665 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,973



Pokok yang bernilai dijual dan selebihnya dibiarkan reput dan dapat dilihat sekitar kawasan Kuala Kubu Bharu.